

Skim anuiti KWSP digantung serta-merta --

UM 11 MAY 2001

KUALA LUMPUR 10 Mei -- KWSP hari ini mengumumkan **penggantungan** sementara pelaksanaan skim anuiti anjuran kumpulan itu berkuat kuasa serta merta.

Pengurus Perhubungan Awamnya, Nik Affendi Jaafar berkata, penggantungan itu akan **berjalan** sehingga selesai kajian **perunding** mengenai skim anuiti itu untuk **Lemba-**ga KWSP memutuskannya nanti.

"Sekiranya masih **terdapat** permohonan **baru diterima** semasa tempoh penggantungan ini, KWSP hanya akan mendaftarkan **permohonan tersebut tetapi** tidak akan **memproses-**nya," katanya dalam kenyataan di **sini** hari ini.

Nik **Affendi** berkata, KWSP juga sedang mengkaji semula **bayaran** bantuan **hilang** keupayaan dan kematian serta akan meneliti beberapa **cadangan** pilihan **bagi** memperbaiki kuantum bayaran berkenaan.

"Hasil **kajian** itu akan **dibincangkan** di mesyuarat **Lemba-**ga KWSP akan datang dan **sekiranya** **dipersetujui**, tarikh kuat **kuasanya** akan **dikebelakangkan** kepada 1 Julai 2000 lalu," katanya.

Semalam **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr. **Mahathir Mohamad** **memberi jaminan** akan menyelesaikan **tiga** isu berkaitan KWSP **termasuk menanggungkan** pelaksanaan skim insurans anuiti dan menimbangkan faedah **hilang** upaya untuk dikembalikan.

Sementara itu, Kongres Kesatuan **Sekerja** Malaysia (MTUC) akan memantau segala **per-**kembangan yang berlaku dalam KWSP **se-**panjang tempoh penanguhan **piket** tiga bu-
lana tersebut.

Presidennya, Senator Zainal Rampak **ber-**kata, tempoh masa berkenaan diberi untuk **memberi** peluang **kepada** KWSP mengkaji se-
mula tiga isu pertikaian yang menjadi **tuntu-**tan **utama** MTUC.

"Penanguhan tiga bulan ini juga akan **memberi banyak** masa kepada KWSP dan **kita** berharap **ada** perkembangan **positif** **sepanja-**ng tempoh itu," katanya ketika dihubungi **Utusan** hari ini.